

▼02/04/16-24MST

CNS5843

U GB 02-04 00193 BA450

a'ab

Mahathir

USAHA SELATAN-SELATAN MALAYSIA BERJAYA

Daripada: Abdul Rahman Sulaiman

I

Tashkent, 2 April (Bernama). -- Usaha Malaysia untuk mewujudkan rakan kongsi dagangan yang baru di kalangan negara sedang membangun dari Selatan, yang telah dijalankan dengan agresif sejak beberapa tahun lepas, terbukti berjaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau memberitahu persidangan akhbar bersama dengan Presiden Uzbekistan, Islam Karimoy di sini bahawa sehingga hari ini Malaysia telah menjalin hubungan dagangan baru dengan negara-negara Amerika Latin, beberapa negara di Afrika, Vietnam, Kampuchea dan Laos.

Perdana Menteri, yang mengakhiri lawatan rasmi selama tiga ke republik Asia Tengah ini bagi tujuan yang sama, berkata Kuala Lumpur menganggap negara-negara Asia Tengah yang baru merdeka itu sebagai sama seperti kumpulan negara-negara sedang membangun dengan mempunyai potensi besar dalam dagangan dan ekonomi.

"Oleh itu adalah lebih baik bagi kami menjalin hubungan dagangan dengan negara-negara ini," katanya kepada satu soalan mengenai tujuan beliau ke sini.

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara kecil, Malaysia berminat untuk melihat negara-negara Selatan bekerjasama antara satu sama lain agar mereka kurang bergantung dengan kuasa-kuasa besar di dunia. -- Lagi

▼02/04/15-09MST

CNS5855

U GB 02-04 00130 BA451

aab

Mahathir 2 Tashkent

Pada masa-masa lepas, rakan kongsi Malaysia selalunya terdiri negara-negara maju seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat.

"Bagaimanapun, kami kini mendapati bahawa mereka juga boleh menghadapi masalah ekonomi yang seterusnya akan menjejaskan saiz dagangan Malaysia. Oleh itu, perlu bagi kami untuk mewujudkan rakan kongsi dagangan yang baru di kalangan negara-negara sedang membangun dari Selatan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata beliau percaya bahawa Malaysia dan Uzbekistan mempunyai bidang yang boleh dimajukan untuk faedah bersama sekiranya mereka bekerjasama.

Dr Mahathir, yang mengadakan perbincangan dengan Karimov, Perdana Menteri Abdul Hashim Mutalov dan pemimpin-pemimpin lain Uzbekistan berkata beliau kagum dengan sikap terbuka mereka.

Ini adalah sesuatu yang amat menggalakkan dan baik untuk hubungan masa depan kedua-dua negara. -- Lagi

▼02/04/15-22MST

CNS5856

U GB 02-04 00162 BA452

aab

Mahathir 3 (Akhir) Tashkent

"Sekiranya kita hendak mewujudkan hubungan ekonomi dan dagangan yang baik, penting bagi para pemimpin dari kedua-dua negara bukan sahaja mengenali antara satu sama lain malahan mempercayai antara satu sama lain sebagai sahabat.

"Tidak disangsikan lagi akan terdapat beberapa hasil segera daripada lawatan ini," kata beliau.

Presiden Karimov yang bersependapat dengan Dr Mahathir berkata, negara beliau amat gembira untuk bekerjasama dengan Malaysia, yang disifatkan sebagai negara yang mempunyai pertumbuhan ekonomi cepat di rantau Asia Tenggara.

Katanya, beliau secara peribadi menyanjungi Dr Mahathir yang disifatkan bukan sahaja seorang ahli politik yang agung malahan ahli ekonomi yang bijak.

"Ada ramai ahli politik dan diplomatik di dunia ini, tetapi sedikit sahaja yang berfikiran ekonomi. Dr Mahathir adalah seorang daripada mereka," katanya.

Karimov berkata, kerana kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia bukan sahaja mampu mengekalkan kestabilan politik malahan memulihkan ekonomi yang menghasilkan kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyatnya. -- Bernama

▼02/04/15-23MST